Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 7, e002432
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2432

Perubahan Klasifikasi Etnik di dalam Rekod Banci Penduduk Sabah Sebelum dan Pasca Merdeka

(Ethnic Classification Changes in Sabah Population Census Records Before and After Independence)

Maizatul Izzah Binti Rosley[1], Junaidah Binti Awang Jambol[2*]

[1]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: mmaizatulizzah97@gmail.com
[2]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: dgjunaidah@ums.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Junaidah Binti Awang Jambol (dgjunaidah@ums.edu.my)

KATA KUNCI:
Klasifikasi
Etnik
Rekod Banci
Sabah

KEYWORDS:
Classification
Ethnicity
Census Records
Sabah

CITATION:
Maizatul Izzah Rosley & Dg. Junaidah Awang Jambol. (2023). Perubahan Klasifikasi Etnik di dalam Rekod Banci Penduduk Sabah Sebelum dan Pasca Merdeka. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(7), e002432. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2432

ABSTRAK

Artikel ini berkaitan dengan perubahan klasifikasi etnik dalam rekod banci penduduk Sabah sebelum dan selepas merdeka. Hasil penelitian awal mendapati bahawa pengkategorian etnik dalam rekod banci penduduk Sabah dari tahun 1891 sehinggalah tahun 2020 mempunyai perbezaan yang signifikan khususnya dari segi istilah dan pengkategorian etnik peribumi Sabah. Artikel ini juga akan turut menerangkan penjustifikasian yang digunakan oleh pihak British North Borneo Company (BNBC) dan kolonial British dalam mengklasifikasikan etnik yang terdapat di Borneo Utara. Hal ini kerana didapati bahawa pengkategorian etnik dalam rekod banci penduduk Sabah dari tahun 1891 sehinggalah tahun 1960 sentiasa berubah-ubah kerana pihak BNBC dan Kolonial British tidak mempunyai satu bentuk klasifikasi khusus yang dapat mengkategorikan etnik yang terdapat di Sabah. Walau bagaimanapun, selepas Sabah merdeka, laporan banci penduduk Sabah telah diubah suai semula agar selari dengan penyelarasan etnik di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Oleh itu, artikel ini akan cuba untuk mengupas dan menelusuri perubahan pengklasifikasian etnik dalam rekod banci penduduk Sabah sebelum dan selepas merdeka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk sumber primer dari Arkib Negeri Sabah dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Pengkaji juga menjalankan kaedah temu bual bagi melengkapkan maklumat kajian ini.

ABSTRACT

This article is related to the change in ethnic classification in the census records of the population of Sabah before and after independence. The results of preliminary research discovered that the ethnic categorization in the Sabah

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

population census records from 1891 until 2020 has significant differences, especially in terms of the ethnic categorization of Sabah's indigenous people. This article will also explain the justifications used by the British North Borneo Company (BNBC) and British colonials to categorize the ethnic groups found in North Borneo. This is because it was discovered that the ethnic categorization in the Sabah population census records from 1891 until 1960 was always changing because the BNBC and the British Colonial did not have a specific form of classification that could categorize the ethnicities found in Sabah. However, after Sabah became independent, the Sabah population census report was modified again to be in line with the ethnic coordination in Sarawak and Peninsular Malaysia. Therefore, this article will attempt to examine and trace the changes in ethnic classification in the census records of the Sabah population before and after independence. This study uses a qualitative method by referring to primary sources from the Sabah State Archives and the Malaysian Statistics Department, Sabah State. The researcher also conducted an interview method to complete the information in this study.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada tentang klasifikasi etnik dalam rekod banci penduduk Sabah. Secara spesifiknya, ia memberikan sumbangan data empirikal berkaitan dengan perubahan yang berlaku terhadap pengkategorian kumpulan etnik dalam rekod banci penduduk Sabah dari tahun 1891 sehinggalah tahun 2020.

1. Pengenalan

Negeri Sabah seringkali dikaitkan dengan kepelbagaian etnik. Di Sabah etnik majoriti terdiri daripada Kadazan, Dusun, Bajau dan Murut manakala etnik minoriti pula terdiri daripada Brunei, Sungai, Kedayan, Lundayeh, Rungus, Bisaya dan banyak lagi. Lazimnya, hubungan sosial masyarakat Sabah telah menjadi contoh terbaik bukan sahaja kepada negeri-negeri lain bahkan juga menjadi contoh kepada negara luar khususnya dalam aspek toleransi sesama etnik yang sangat positif (Kntayya, 2007: 163). Lazimnya, penentuan etnik di Sabah disasarkan mengikut kawasan tempat tinggal masyarakat seperti kawasan darat, perbukitan, pedalaman, persisiran pantai dan laut. Menurut Fredrik Barth bahawa setiap kumpulan etnik membawa ciri-ciri budaya yang berlainan sehingga membentuk budaya unik misalnya dari segi bahasa, kepercayaan, cara hidup, agama, dan peristiwa sejarah yang pernah berlaku dalam kelompok masyarakat masing-masing (Barth, 1969: 19). Meskipun begitu, rencaman etnik di Sabah hanya diketahui secara umum sahaja. Terdapat segelintir masyarakat luar yang masih tidak mengetahui dan mengenalpasti tentang pengelasan etnik di Sabah khususnya berkaitan dengan bumiputera dan bukan bumiputera Sabah. Perkara ini juga kurang difahami oleh masyarakat Sabah sendiri ekoran ketidakfahaman mereka terhadap pengkategorian kaum yang direkodkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2. Klasifikasi etnik di dalam rekod banci Sabah sebelum merdeka

British North Borneo Chatered (BNBC) telah memperkenalkan rekod banci penduduk pada tahun 1891 di Borneo Utara. Tujuan utama rekod banci ini dilaksanakan adalah untuk mencatat jumlah penduduk Borneo Utara dan mengenalpasti kumpulan etnik dengan menetapkannya mengikut bahasa, budaya dan kegiatan ekonomi. Selain itu, rekod banci juga diperkenalkan kerana BNBC ingin melicinkan pentadbiran mereka dan memudahkan BNBC mengeksploitasi hasil bumi di Borneo Utara. Lazimnya, bancian akan dilakukan setiap sepuluh tahun sekali yang bermula dari tahun 1891 sehinggalah rekod banci terkini iaitu pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, rekod banci pernah terhenti selama 20 tahun bermula dari tahun 1931 sehinggalah tahun 1951 kerana berlakunya Perang Dunia Kedua dan kependudukan Jepun di Borneo Utara (Sabah State Archives, 1894). Perlu diketahui juga bahawa pada kali pertama bancian dilaksanakan, kutipan data demografi masyarakat Borneo Utara diambil dengan mengkategorikan mereka di bawah kumpulan etnik-etnik tertentu. Menurut William M. Crocker, data banci di Borneo Utara pada tahun 1891 adalah tidak lengkap dan tidak tepat kerana penduduk kawasan pedalaman tidak diambil kira (Sabah State Archives, 1890). Berikut merupakan senarai etnik yang diperolehi daripada rekod banci pertama pada tahun 1891.

Berdasarkan rekod banci pada tahun 1891, didapati bahawa kumpulan etnik yang disenaraikan adalah tidak menyeluruh. Di dalam rekod banci tersebut juga kelompok etnik Dusun, Murut, Kedayan, Bisaya dan lain-lain telah digabungkan menyebabkan bilangan mereka telah mengatasi bilangan kumpulan etnik lain iaitu 34,166 orang. Pengelompokkan ini berkemungkinan berlaku kerana pihak BNBC melihat masyarakat Dusun, Murut, Kedayan dan Bisaya mempunyai bahasa, budaya dan kegiatan ekonomi yang hampir sama sehingga mereka mengkategorikan etnik ini bersama. Jika dilihat di dalam Jadual 1 juga terdapat beberapa etnik yang bukan peribumi di Borneo Utara turut dimasukkan ke dalam rekod banci seperti India, Siam, Filipina, Jepun, British, Eropah, Eurasian, Afrika, Arab, Jawa dan Cina. Kehadiran etnik Jepun dan Eropah di Borneo Utara ketika itu adalah sebagai pelabur, pegawai Syarikat Berpiagam dan pengusaha ladang. Manakala, etnik lain mungkin bekerja sebagai buruh di ladang-ladang, anggota keselamatan dan seumpamanya (Sabihah & Ahmad Syukri, 2010). Dalam hal ini juga etnik Cina merupakan imigran yang tertinggi dibawa masuk ke Borneo Utara dengan catatan rekod sebanyak 7,156 orang.

Selain itu, Jadual 1 juga turut menunjukkan bahawa pihak BNBC tidak mengutip data di kawasan pedalaman dan perbukitan secara menyeluruh sehingga terdapatnya 2,596 orang yang tidak direkodkan etnik mereka. Walaupun banci penduduk pertama ini agak lemah, namun tidak dinafikan bahawa rekod banci tersebut merupakan satu bentuk pengenalan awal kepada wujudnya pembahagian kumpulan etnik di Borneo Utara. Perlu juga difahami bahawa sebelum wujudnya rekod banci, penduduk di Borneo Utara hanyalah merupakan kumpulan-kumpulan budaya berdasarkan etnik masing-masing. Kumpulan budaya etnik ini mengamalkan kebudayaan tanpa batasan yang akhirnya mula dipisahkan dengan satu sempadan budaya etnik yang memperkenalkan mereka kepada identiti etnik masing-masing. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya 'sempadan etnik' juga mula tumbuh dalam kalangan etnik di Borneo Utara pada zaman pentadbiran BNBC (Sabihah & Ahmad Syukri, 2010).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Rekod Banci Borneo Utara tahun 1891

Kewarganegaraan	Jumlah
Melayu	1,188
Melayu Brunei	3,546
Dayak	135
Dusun, Murut, Kedayan, Bisaya dan lain-lain	34,166
Bajau	11,150
Sulu	3,733
Bugis dan Tidong	896
Jawa	962
British	160
Eropah	85
Eurasian	51
Afrika dan Arab	12
Selatan India	256
Utara India	63
Siam dan Kelantan	27
Orang Banjar	371
Filipina	74
Cina	7,156
Jepun	129
Tidak direkodkan	2,596
Jumlah Keseluruhan	67,062

Sumber: Sabah State Archives (1892)

Penelitian awal di dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa kumpulan etnik di Borneo Utara semakin bertambah pada tahun 1901. Dalam hal ini, didapati pentadbiran BNBC telah membawa ramai buruh asing untuk bermigrasi ke Borneo Utara khususnya orang Cina dan India bagi tujuan memaksimumkan pengeluaran hasil bumi. Penghijrahan beramai-ramai ini juga berlaku ekoran daripada meningkatnya permintaan terhadap tembakau dan getah di Eropah. Meskipun begitu, rekod banci penduduk pada tahun 1901 ini masih dianggap kurang lengkap kerana dianggarkan bilangan sebenar jumlah penduduk di Borneo Utara telah mencapai sehingga 160,000 orang (Sabah State Archives, 1901). Di dalam rekod banci tahun 1901 ini juga didapati wujudnya perubahan pengkategorian etnik Dusun dan Murut yang memperlihatkan pihak BNBC telah mula memisahkan data banci di antara kedua-dua etnik tersebut yang sebelum ini telah digabungkan di dalam satu kumpulan etnik yang sama. Pemisahan ini berlaku kerana pihak BNBC telah dapat mengenal pasti kelompok etnik Dusun yang lebih mahir dalam pertanian (Sabihah & Ahmad Syukri, 2010).

Jadual 2: Rekod Banci Borneo Utara Tahun 1901

Senarai Etnik	Jumlah
Melayu	1,071
Brunei	6,767
Dusun	33,456
Dayak	542
Bajau	10,885
Eropah	195
Idahan	862
Ilanun	320
Tangaras	474

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Eurasian	40
Kedayan	2,612
Cina	12,282
Murut	12,230
Jepun	149
Orang Sungei	4,781
Melayu Sarawak	67
Tutong	141
Siam	13
Arab	29
India dan Ceylon	445
Selatan/Utara India	10,333
Orang Pedas	6,784
Jumlah Keseluruhan	104,527

Sumber: Sabah State Archives (1901)

Pihak BNBC juga telah melakukan rekod banci seterusnya pada tahun 1911 dan didapati tidak wujud sebarang bentuk perubahan dari segi penyenaraian kelompok etnik daripada rekod banci sebelumnya. Dalam hal ini, kajian yang mendalam untuk mengenal pasti identifikasi kelompok-kelompok etnik di Borneo Utara masih lagi belum dilakukan sepenuhnya kerana penyenaraian kelompok etnik pada rekod banci tahun 1921 dan 1931 masih lagi sama seperti rekod sebelumnya. Perkara ini boleh dilihat di dalam Jadual 3, Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 3: Rekod Banci Borneo Utara Tahun 1911

Senarai Etnik	**Jumlah**
Melayu	1,612
Bajau	22,587
Brunei	6,877
Dusun	87,951
Dayak	505
Ilanun	1,641
Idahan	947
Kedayan	2,455
Murut	225,314
Tagal	1,912
Tidong	1,777
Tutong	204
Tambunwah	1,369
Orang Pedas	4,878
Orang Sungei	9,168
Filipina	291
Somali	1
Europah	355
Eurasian	57
Cina	26,002
Jepun	246
Siam	17
Arab	35
Sudan	66
India dan Ceylon	902

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Utara/Selatan India	5,511
Sulu	5,503
Jumlah Keseluruhan	208,183

Sumber: Sabah State Archives (1912)

Jadual 4: Rekod Banci Borneo Utara Tahun 1921

Senarai Etnik	Jumlah
Melayu	1,837
Sulu	6,637
Bajau	31,348
Brunei	8,728
Bisaya	7,082
Dusun dan Buludupi	99,229
Dayak	654
Kedayan	2,770
Idahan	1,031
Ilanun	1,722
Kuijau	1,487
Murut	28,400
Orang Sungai	7,422
Tidong	1,847
Tutong	255
Tagal	1,955
Tambunwah	3,118
Filipina	449
Eropah	415
Eurasian	210
Jepun	441
Cina	37,642
India dan Ceylon	1,185
India	11,223
Jumlah Keseluruhan	257,344

Sumber: Sabah State Archives (1921)

Jadual 5: Rekod Banci Borneo Utara Tahun 1931

Senarai Etnik	Jumlah
Melayu	953
Brunei	10,507
Bajau	31,640
Bisaya	7,061
Kedayan	3,157
Idahan	2,960
Tutong	387
Dusun dan buludupi	98,061
Orang Sungai	6,999
Tambunwah	4,923
Kuijau	4,539
Orang Sulu	5,766
Tidong	2,315
Murut, paluan dan timugons	19,347
Tagal	4,470

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tengaras	627
Ilanun	2,459
Dayak	687
Orang India dan Ceylon	1,298
Orang Hindia Timur Belanda	9,857
Jepun	450
Cina	47,799
Eropah	340
Eurasia	236
Jumlah Keseluruhan	269,969

Sumber: Sabah State Archives (1931)

Pada tahun 1941, banci penduduk di Borneo Utara tidak dapat diteruskan kerana pihak BNBC berhadapan dengan Perang Dunia Kedua. Jepun telah melancarkan peperangan secara serentak melalui Pearl Harbour, Tanah Melayu, Borneo Utara, Hong Kong, Filipina dan Hindia Timur (Maswari, 1983). Tentera Imperial Jepun telah menakluk keseluruhan Kepulauan Borneo Utara pada 1 Mac 1942. Walau bagaimanapun, pentadbiran ketenteraan Jepun tidak dapat berjalan dengan baik kerana Borneo Utara telah menghadapi krisis ekonomi kesan daripada perang. Pada tahun 1945, Tentera Imperial Jepun telah menyerah kalah dan Borneo Utara ditadbir oleh pihak *Britian Military Army* (BMA). Pasca Perang Dunia Kedua menyaksikan BNBC tidak lagi mampu untuk menanggung kos membaik pulih infrastruktur di Borneo Utara sehingga pentadbirannya terpaksa diserahkan sepenuhnya kepada Kolonial British pada 15 Julai 1946 (Syaib, 2021; Maizatul Izzah & Dg. Junaidah, 2022).

Kolonial British telah memperkenalkan 'Program Perancangan dan Pembangunan Borneo Utara selepas Perang' sebagai usaha untuk membaik pulih kerosakan dan kemudahan infrastruktur serta membangunkan semula ekonomi di Borneo Utara (Great Britain Colonial Office, 1948). Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pihak British telah membawa masuk pakar-pakar dari Eropah yang mahir dalam bidang perhutanan, perikanan, perancangan bandar, kesihatan, pertanian, pengairan dan saliran, perkhidmatan dan penyakit berjangkit untuk menjayakan misi program tersebut. Selepas 20 tahun pengeluaran rekod banci terhenti, pihak kolonial British akhirnya telah mengeluarkan semula rekod banci penduduk di Borneo Utara pada tahun 1951 (Maizatul Izzah & Dg. Junaidah, 2022).

Jika dilihat perbandingan di antara Jadual 5 dan Jadual 6, didapati bahawa terdapat pertambahan bagi masyarakat Eropah yang berada di Borneo Utara. Pertambahan ini berlaku kerana wujudnya pelaksanaan program pemulihan dan pembangunan ekonomi di Borneo Utara. Pada rekod banci tahun 1951 juga didapati telah diwujudkan istilah 'lain-lain' di dalam kategori etnik yang sebenarnya merupakan jumlah bilangan buruh-buruh asing yang masuk ke Borneo Utara untuk mengisi keperluan kerja-kerja dalam bidang perladangan, pertanian, perkayuan dan perindustrian. Di dalam rekod banci tahun 1951 juga telah wujud pertambahan etnik baharu iaitu etnik *Sino-Native* yang merujuk kepada perkahwinan campur antara masyarakat Cina dan peribumi tidak kira sama ada ibu atau bapa. Bilangan *Sino-Native* ini semakin bertambah sehingga membolehkan pemerintah mengklasifikasikan mereka sebagai salah satu sub-etnik dalam kategori peribumi. Pengistilahan sub-etnik *Sino-Native* ini muncul buat pertama kalinya di dalam rekod Banci tahun 1951. Dengan itu, kelompok *Sino-Native* ini dikategorikan sebagai peribumi Sabah manakala bagi sub etnik dalam kelompok Cina

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

terdiri daripada Hakka, Cantonese, Hokkein, Toechew, Hailam dan lain-lain (Sabihah & Ahmad Syukri, 2010).

Jadual 6: Rekod Banci Borneo Utara Tahun 1951

Senarai Etnik	Jumlah
Dusun	117,867
Murut	18,724
Bajau	44,728
Cina	74,347
Eropah	1,213
Ilanun	3,307
Orang Sungei	13,697
Brunei dan kedayan	22,312
Kwijau	978
Bisaya	7,866
Tidong	3,481
Sino-native	6,468
Lain-lain	91,132
Jumlah Keseluruhan	334,141

Sumber: Sabah State Archives (1951)

Berdasarkan Jadual 7, didapati berlakunya penyenaraian etnik di Borneo Utara mengikut kelompok-kelompok etnik yang utama berbanding banci penduduk sebelumnya.

Jadual 7: Rekod Banci Borneo Utara Tahun 1960

Komuniti	Jumlah (ribu)
Dusun	145,229
Murut	22,138
Bajau	59,5710
Indigenous lain-lain (a)	79, 421
Chinese	104,542
European (b)	1,896
Lain-lain	41,485
Jumlah Keseluruhan	454,421

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (1960)

Di dalam rekod banci pada tahun 1960, telah diwujudkan istilah *Indigenous* lain-lain. Penyelarasan semula banci pada tahun 1960 telah memberi kesan yang signifikan kepada kumpulan etnik-enik lain yang selama ini berdiri sendiri dan mempunyai kategori tunggal seperti Brunei, Kedayan, Bisaya, Tidong, Orang Sungei, Sulu dan *Sino-Native* kerana etnik tersebut telah dimasukkan di dalam kumpulan etnik *Indigenous* lain-lain. Dalam hal ini, hanya tujuh kelompok etnik utama yang disenaraikan, tetapi setiap kelompok utama etnik tersebut mengandungi sub-sub etnik masing-masing. Contohnya, kelompok etnik European terdiri daripada dua sub etnik yang dinyatakan seperti bangsa Eropah dan Eurasian, manakala di bawah kelompok etnik Dusun pula dimasukkan etnik Dusun dan Kwijau. Sementara itu, di bawah sub etnik Bajau telah dimasukkan etnik Bajau dan Illanun. Bagi kelompok etnik *Indigenous* lain-lain, sub-sub etnik di bawahnya adalah seperti Brunei, Kedayan, Orang Sungei, Bisaya, Sulu, Tidong dan *Sino-Native.*

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Selain itu, mulai tahun 1961 juga laporan banci telah menggunakan istilah komuniti dalam mentakrifkan komposisi etnik di Sabah seperti yang dilakukan di Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak. Istilah ini telah digunakan buat pertama kalinya oleh M.V.Del Tufo. Bagi Tufo istilah bangsa seperti yang telah digunakan terdahulu untuk menerangkan kumpulan berlainan penduduk di Tanah Melayu adalah mengelirukan kerana istilah bangsa lebih cenderung menjelaskan kumpulan orang yang mempamerkan sifat-sifat tertentu dan sama. Pada pendapat Tufo, istilah komuniti adalah lebih sesuai kerana ia lebih menerangkan semua ahli terikat oleh satu kepentingan komuniti iaitu bahasa, agama, adat resam atau kesetiaan yang sama. Walaupun istilah ini agak janggal untuk digunakan di Sabah, namun istilah komuniti ini tetap digunakan di Sabah pada tahun 1960 dan 1970 (Sabihah & Ahmad Syukri, 2010).

3. Perubahan klasifikasi etnik di dalam rekod banci Sabah pasca merdeka

Selepas wilayah Borneo Utara mulai pulih dan mencapai tahap pembangunan yang baik selepas Perang Dunia Kedua, Kolonial British telah merancang menyatukan wilayah Borneo Utara, Sarawak dan Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk gagasan Malaysia. Pada peringkat awal rancangan ini dilaksanakan, ramai penduduk tempatan di Borneo Utara menentang penggabungan tersebut kerana bimbang penyatuan tersebut akan memberikan kesan yang negatif terhadap ekonomi di Borneo Utara dan juga menyekat kebebasan mereka untuk melaksanakan kegiatan ekonomi masing-masing (Mohamad Rodzi, 2003). Walau bagaimanapun, selepas penduduk Sabah diberikan penerangan jelas dan memahami faedah penggabungan tersebut maka pada 16 September 1963 secara rasminya Borneo Utara menyertai pembentukan Malaysia dan telah mencapai kemerdekaan menerusi penggabungan tersebut. Nama Borneo Utara kemudiannya telah ditukar menjadi Sabah selepas merdeka. Di bawah pentadbiran kerajaan negeri Sabah, pihak Jabatan perangkaan Malaysia telah menyelaraskan semula semua rekod banci penduduk agar selari dengan rekod banci di Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Penyelarasan banci ini secara tidak langsung telah memberi perubahan ke atas kumpulan-kumpulan etnik yang terdapat di Sabah. Pada dasarnya, pembahagian komposisi etnik di Sabah boleh dilihat dalam enam fasa utama berdasarkan tempoh 60 tahun selepas Sabah merdeka iaitu pada tahun 1970, 1980, 1990, 2000, 2010 dan 2020. Jika dilihat dari pelbagai sudut seperti penggunaan istilah, pembahagian kumpulan etnik dan susunan etnik, ia sentiasa mengalami perubahan terutamanya dalam mengelaskan penduduk peribumi.

Berdasarkan Jadual 8, didapati bahawa terdapat klasifikasi etnik yang dimasukkan di dalam laporan banci tahun 1970. Etnik tersebut adalah Kadazan yang hampir sama identifikasinya dengan etnik Dusun. Pada akhir tahun 1950-an, kolonial British telah mula mengenalpasti klasifikasi etnik Kadazan namun, etnik ini tidak disenaraikan di dalam rekod banci kerana persamaan ciri-cirinya dengan etnik Dusun. Meskipun kedua-dua etnik tersebut mempunyai perbezaan sedikit dari segi bahasa dan kawasan penempatan namun, kedua-duanya dianggap masih daripada rumpun yang sama. Dalam hal ini, apa yang perlu difahami ialah pada akhir tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an merupakan zaman kesedaran berpolitik di Sabah. Kebanyakan golongan yang mempelopori gerakan ini adalah daripada keturunan peranakan Cina dan Australia-Peribumi. Kumpulan yang berketurunan peranakan Cina ini dikenali dengan nama Sino-Kadazan atau Sino. Mereka ini bukan sahaja terdedah dengan arus perkembangan politik di Sabah malah kebanyakan daripada mereka berpendidikan menengah di sekolah-sekolah mission Inggeris di kawasan bandar. Kebanyakan etnik Kadazan juga tinggal di kawasan bandar yang lebih terdedah dengan arus permodenan manakala

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

etnik Dusun tinggal di kawasan pedalaman yang lebih tertumpu dalam aspek pertanian (Sabihah & Ahmad Syukri, 2010). Oleh itu, etnik Kadazan dan Dusun telah disatukan di dalam kelompok yang sama atas justifikasi bahawa kedua-dua etnik tersebut mempunyai banyak persamaan dari segi ciri-ciri fizikal, agama, budaya, tradisi dan sejarahnya. Namun begitu, etnik Dusun dan Kadazan ini kemudiannya telah dipisahkan semula di bawah kategori tunggal pada rekod banci tahun 1990.

Jadual 8: Rekod Banci Tahun 1970

Komuniti	Jumlah (ribu)
Kadazan	184,512
Murut	31,299
Bajau	18,365
Indigenous lain-lain	125,631
Cina	139,509
Indonesia	39,526
Lain – lain	37,151
Jumlah keseluruhan	575,993

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (1970)

Berdasarkan rekod banci pada tahun 1980, penggunaan istilah *indigenous* lain-lain kemudiannya telah berubah kepada istilah Pribumi. Perubahan ini boleh dilihat di dalam Jadual 9. Klasifikasi baharu ini masih merujuk masyarakat yang sama seperti *indigenous* lain-lain hanya penggunaan istilah sahaja yang telah berubah dengan mengumpulkan dan meletakkan semua etnik di Sabah di bawah satu kategori yang sama iaitu Pribumi. Perkara ini berkemungkinan berlaku kerana Jabatan Perangkaan Malaysia ingin memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu dalam pendokumentasian rasmi di Malaysia. Oleh itu, perkataan *indigenous* dalam Bahasa Inggeris telah digugurkan dan hanya istilah pribumi yang digunakan. Namun begitu, istilah ini kemudiannya telah digantikan dengan istilah bumiputera pada rekod banci tahun 1990. Dalam hal ini, istilah bumiputera yang dimaksudkan adalah masyarakat peribumi, orang asli, penduduk asal atau penduduk setempat. Perlembagaan Malaysia menggariskan istilah peribumi sebagai anak watan asal atau natif yang dirujuk kepada orang Melayu, Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan peribumi Sabah dan Sarawak. Perkara ini boleh dilihat dengan jelas di dalam rekod banci pada tahun 1990 sehinggalah tahun 2020.

Jadual 9: Rekod Banci Tahun 1980

Komuniti	Jumlah (ribu)
Pribumi	792,043
Cina	155,304
India	5,293
Lain – lain	3,072
Jumlah keseluruhan	955,712

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (1980)

Berdasarkan Jadual 10, Jadual 11, Jadual 12 dan Jadual 13 pula didapati bahawa istilah *indigenous* telah digantikan dengan istilah bumiputera lain-lain bagi mengumpulkan klasifikasi etnik minoriti di Sabah. Antara etnik yang tersenarai di dalam kumpulan tersebut ialah Brunei, Kedayan, Bisaya, Lundayeh, Lunbawang, Suluk, Sungai, Rungus, Tidong, Ilanun dan lain-lain. Selepas kemerdekaan istilah Bumiputera digunakan secara meluas bagi menggantikan istilah Peribumi dan seterusnya membezakan etnik yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

berasal dari gugusan Kepulauan Melayu dengan kumpulan yang berasal dari China dan India (Sabihah & Ahmad Syukri, 2010). Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah menyatakan bahawa klasifikasi bumiputera lain-lain dalam laporan banci bukanlah bermakna etnik tersebut bukan bumiputera Sabah tetapi klasifikasi bagi bumiputera lain-lain hanyalah merujuk kepada bumiputera Sabah yang mempunyai jumlah minoriti di Sabah (Muhammad Amri, 2022). Dalam rekod banci tahun 2000 sehinggalah tahun 2020 didapati bahawa klasifikasi etnik Kadazan dan Dusun juga telah disatukan semula di dalam satu kumpulan etnik yang sama kerana pengidentifikasian etnik ini dirujuk berdasarkan kepada wujudnya persamaan dari segi sejarah, agama, budaya dan tradisi.

Jadual 10: Rekod Banci Tahun 1990

Komuniti	Jumlah (ribu)
Melayu	106,740
Dusun	216,910
Kadazan	104,924
Bajau	203,457
Murut	50,255
Bumiputera lain-lain	255,555
Cina	200,056
Indonesia	139,403
Lain – lain	32,210
Bukan warganegara Malaysia	425,175
Jumlah keseluruhan	1,734,685

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (1990)

Jadual 11: Laporan Banci Tahun 2000

Kaum	Jumlah (ribu)
Melayu	294,833
Kadazan / Dusun	458,768
Bajau	330,996
Murut	80,872
Bumiputera lain-lain	374,388
Cina	254,528
Lain – lain	120,894
Bukan warganegara Malaysia	552,967
Jumlah keseluruhan	2,468,246

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (2000)

Jadual 12: Laporan Banci Tahun 2010

Kaum	Jumlah (ribu)
Melayu	178,029
Kadazan / Dusun	555,647
Bajau	436,672
Murut	100,631
Bumiputera lain – lain	640,964
Cina	284,049
India	7,171
Lain – lain	47,052
Bukan warganegara Malaysia	867,190

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jumlah keseluruhan	3,117,405

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (2010)

Jadual 13: Laporan Banci Tahun 2020

Kaum	**Jumlah (ribu)**
Melayu	307,494
Kadazan / Dusun	660,777
Bajau	565,499
Murut	106,468
Bumiputera lain-lain	673,233
Cina	248,920
India	5,962
Lain – lain	39,989
Bukan warganegara Malaysia	810,443
Jumlah keseluruhan	3,413,419

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (2020)

4. Kesimpulan

Penetapan klasifikasi etnik di Sabah merupakan warisan yang diberikan oleh penjajah British untuk mengidentifikasikan etnik-etnik di Sabah. Perkara ini boleh dilihat menerusi rekod banci dari tahun 1891 sehinggalah tahun 1960. Pengidentifikasian ini dilakukan oleh penjajah berlandaskan kepada pengetahuan kolonial untuk menjaga kepentingan pentadbiran BNBC dan Kolonial British. Pengidentifikasian berdasarkan dari atas '*authority-defined'* adalah bertentangan dengan identifikasi yang diterima pakai oleh masyarakat lokal. Pengidentifikasian ini kemudiannya telah disesuaikan pula dengan situasi politik pasca merdeka yang mana istilah bumiputera telah digunakan untuk menggantikan istilah peribumi bagi membezakan etnik yang berasal dari gugusan kepulauan Melayu dengan kumpulan yang berasal dari China dan India. Hakikatnya, situasi etnik di Sabah adalah berbeza dengan penduduk di Semenanjung yang mempunyai pembahagian lebih jelas di antara Melayu, Cina dan India. Di Sabah, masyarakatnya tidak mempunyai persempadanan etnik yang jelas kerana wujudnya persamaan ciri dan latar belakang budaya yang diamalkan oleh setiap kumpulan etnik sebelum mereka mempunyai agama. Oleh itu, jika diteliti jumlah penduduk mengikut etnik yang dikategorikan oleh pemerintah, didapati tidak terdapat kumpulan etnik yang dilihat dominan dan boleh menguasai etnik lain dengan mudah. Situasi ini menyebabkan setiap kumpulan etnik berusaha untuk bertolak ansur dan bekerjasama di antara satu sama lain bagi memastikan kestabilan negeri Sabah terus kukuh dan terpelihara.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan penyelidikan ini**.**

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan di bawah Skim Lantikan Baru (SLB2240).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Barth, F. (1969). *The Sociology of Ethnicity*. Sage Publications Ltd.

Great Britain Colonial Office. (1948). *Colonial annual report on North Borneo 1948.* London.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (1960). *Population Census Report 1960*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (1970). *Population by community groups and sex of major towns and townships in Sabah.* Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (1980). *Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim.* Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (1990). *Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim.* Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (2000). *Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (2010). *Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (2020). *Penemuan utama banci penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020.* Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kntayya Mariappan. (2007). Tahap toleransi etnik di Sabah: analisis awal dalam Sabihah Osman, *Toleransi etnik dan perpaduan sosial di negeri Sabah*. Laporan Penyelidikan IRPA.

Maizatul Izzah Rosley & Dg. Junaidah Awang Jambol. (2022). Perubahan kedudukan masyarakat Melayu Brunei dalam banci penduduk di sabah (1891-2010): satu tinjauan. Awal. *Jurnal Borneo Arkhailogia,* 7(1), 29-42. https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4126.

Maswari Rosdi. (1983). *Sejarah China dan Jepun moden 1800-1955*. Adabi Publishing Sdn. Bhd.

Mohamad Rodzi Abd Razak. (2003). Gagasan Malaysia dan penglibatan British: satu tinjauan. *JEBAT*, 29,109-122. journalarticle.ukm.my/410/1/1.pdf

Muhammad Amri Idris. (09 Jun 2022). Temu Bual Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah.

Sabah State Archives. (1890). *British North Borneo Handbook 1890*. Sabah State Archives.

Sabah State Archives. (1892). *North Borneo Census Report: Official Gazette.* Sabah State Archives.

Sabah State Archives. (1894). *British North Borneo Herald*. Sabah State Archives.

Sabah State Archives. (1901). *British North Borneo Herald.* Sabah State Archives.

Sabah State Archives. (1912). *North Borneo Census Report: Official Gazette.* Sabah State Archives.

Sabah State Archives. (1921). *Population Census North Borneo*. Sabah State Archives.

Sabah State Archives. (1931). *Population Census North Borneo*. Sabah State Archives.

Sabah State Archives. (1951). *Population Census North Borneo.* Sabah State Archives.

Sabihah Osman & Ahmad Syukri Epat. (2010). Hakikat sejarah dalam masyarakat Sabah dalam Sabihah Osman, *Toleransi etnik dan perpaduan sosial di negeri Sabah*. Laporan Penyelidikan IRPA.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran bumiputera Borneo Utara 1881-1941*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syaib Ahmed. (2021). *Sistem perburuhan di Borneo Utara (1881-1963).* [Tesis Sarjana], Universiti Malaysia Sabah.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).